



قجابه فربندهاران نكري كلتن
PEJABAT PERBENDAHARAAN
NEGERI KELANTAN
Blok 4, Kota Darulnaim,
15503 Kota Bharu, Kelantan.

Pentadbiran Am : 09-7481957
Pegawai Kewangan Negeri : 09-7485343
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri : 09-7436429
Bendahari Negeri : 09-7483484
Fax No : 09-7487113
E-mail : treasury@kelantan.gov.my
Web site : www.pkn.kelantan.gov.my

Ruj. Kami: PKN.D.7/5-72Jld.15 (28)
Tarikh : 04 Zulkaedah 1442H
15 Mei 2021

Ke majlis;

Semua Pegawai Pengawal,

SS Dato'/YB Dato'/YABhg. Dato'/Tuan,

**ARAHAN PEMBAYARAN MELALUI *ELECTRONIC FUND TRANSFER* (EFT) DALAM
TEMPOH PKP 3.0 - FASA 2 : 15 HINGGA 28 JUN 2021**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 2 yang diumumkan oleh Kerajaan bermula 15 hingga 28 Jun 2021 semua pembayaran tanpa had nilai hendaklah melalui kaedah *Electronic Fund Transfer* (EFT) kecuali bagi bayaran yang masih memerlukan penggunaan cek.

3. Sehubungan dengan itu, semua Jabatan/PTJ dipohon mengambil tindakan sebagaimana berikut ketika memproses baucar bayaran:

3.1 menukar jenis bayaran cek kepada jenis bayaran EFT di skrin PTJ Kewangan masing-masing; dan

3.2 memastikan Akaun Bank Penerima dikunci masuk dengan betul.

4. Kerjasama SS Dato'/YB Dato'/YABhg. Dato'/Tuan dalam memastikan perkara ini dapat dilaksanakan dengan sempurna amatlah diharapkan dan dihargai.

Sekian, terima kasih.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUFAKAT, NEGERI BERKAT"
"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

Saya yang menjalankan amanah,

DATO' AHMAD ROBERT B. ABD. RAHIM D.P.S.K (Kelantan)
Pegawai Kewangan Negeri
Kelantan.